


## KATALOG BUKU-BUKU ISDEV



**KONSEP DAN  
PELAKSANAAN  
PEMBANGUNAN  
BERTERASKAN ISLAM**  
MUHAMMAD SYUKRI SALLEH


ISBN: 983-861-019-4  
HARGA: RM8.00  
TAHUN: 1990  
MUKASURAT: 159

Buku ini merupakan penerokaan awal dalam memahami konsep dan kaedah pelaksanaan pembangunan berteraskan Islam. Ia mengandungi perbincangan tentang konsep-konsep asas, kemungkinan-

kemungkinan kaedah untuk diterjemahkan kepada pelaksanaan, serta penelitian ke atas falsafah dan pelaksanaan pembangunan berteraskan Islam yang telahpun terlaksana.

Kecuali Mukaddimah 1 yang ditulis oleh penyunting sendiri dan Mukaddimah 2 yang ditulis oleh Dato' Professor Shahnnon Ahmad, kesemua tulisan di dalam buku ini merupakan kertas kerja yang telah dibentangkan dalam Seminar Pembangunan Berteraskan Islam anjuran Pergerakan Pengajian Pembangunan, Universiti Sains Malaysia dalam tempoh tiga tahun berturut-turut.

Buku ini terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian pertama berkaitan dengan Konsep Pembangunan Berteraskan Islam. Bahagian kedua berkaitan dengan Isu-Isu Terpilih Dalam Pembangunan Berteraskan Islam. Manakala bahagian ketiga tertumpu kepada Kaedah Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam.




**PEMBANGUNAN  
ZAMAN RASULULLAH  
S.A.W.: ANTARA  
KEMISKINAN DAN  
KEKAYAAN**  
MUHAMMAD SYUKRI SALLEH

ISBN:  
HARGA:  
TAHUN: 2000  
MUKASURAT: 75

Seringnya kemiskinan disamakan dengan kemunduran manakala kekayaan disamakan dengan pembangunan. Pada zaman

Rasulullah s.a.w. kedua-dua golongan miskin dan kaya wujud iring-mengiringi. Malah ada orang miskin seperti Sha'labah bin Hatib yang mahu kaya tetapi tidak begitu diresmi Rasulullah s.a.w. manakala ada orang kaya seperti Sayyidina Abd. Rahman b. Auf yang mahu miskin juga tidak dibenarkan Rasulullah s.a.w. Apakah ini bererti Rasulullah s.a.w. mencampuradukkan antara kemiskinan dan kekayaan dan oleh itu antara kemunduran dengan pembangunan? Buku kecil ini cuba mencari jawapan kepada persoalan ini.



**PENGURUSAN  
PEMBANGUNAN  
ISLAM: PROSIDING  
SEMINAR**


MUHAMMAD SYUKRI SALLEH &  
FADZILA AZNI AHMAD

ISBN  
HARGA:  
TAHUN: 2000  
MUKASURAT: 275

Sejak kebelakangan ini usaha melaksanakan pembangunan berteraskan Islam kian banyak. Dari negara-negara seperti Malaysia, Pakistan, Iran dan

Sudan hinggalah kepada negeri-negeri seperti Kelantan dan Terengganu, semuanya cuba melaksanakannya. Namun begitu, mereka menghadapi paling tidak dua masalah besar. Pertama, pelaksanaan pembangunan berteraskan Islam terpaksa dilakukan tanpa dapat melepaskan diri sebebannya dari sistem pembangunan bukan-Islam yang dominan. Dan kedua, walaupun pembangunan yang dilaksanakan itu dikatakan berteraskan Islam, para pengurusnya jarang-jarang menggunakan perkaedahan pengurusan Islam dalam menguruskan pembangunan berkenaan. Masalah pertama berkait rapat dengan suasana global manakala masalah kedua berkait rapat dengan masalah kepakaran umat Islam sendiri.

Kertas-kertas kerja yang terkandung di dalam Prosiding Seminar Pengurusan Pembangunan Islam ini secara khususnya bertujuan menumpukan kepada permasalahan kedua di atas. Secara teoretikal, ia cuba mencari kaedah pengurusan enam aspek pembangunan terpilih, yakni pengurusan sumber manusia, pengurusan kekayaan, pengurusan kemiskinan, pengurusan sumber asli, pengurusan pembiayaan awam dan pengurusan perniagaan dan perindustrian. Semua ini dilakukan dari perspektif Islam.




**PEMBANGUNAN  
BERTERASKAN ISLAM**  
MUHAMMAD SYUKRI SALLEH

ISBN: 967-61-1340-9  
HARGA: RM16.00  
TAHUN: 2002  
MUKASURAT: 118

Buku ini membincangkan beberapa perkara asas bersabit dengan falsafah ilmu, pengertian kedudukan manusia, konsep keadilan dan keadilan pengagihan pembangunan berteraskan Islam. Di samping mengemukakan cadangan tentang

kursus pembangunan berteraskan Islam yang patut diberi perhatian serius di pusat-pusat pengajian tinggi, analisis tentang penyatuan aspek-aspek kebendaan dan kerohanian juga dijelaskan.

Buku ini sesuai dijadikan rujukan pelajar pusat pengajian tinggi, perancang pembangunan dan mereka yang berminat mengkaji pembangunan menurut Islam.




## PRINSIP DAN MASYARAKAT ISLAM

MOHD. SHUKRI HANAPI

ISBN: 983-40912-4-9  
HARGA:  
TAHUN: 2002  
MUKASURAT: 128

Buku ini membincangkan tentang empat perkara, yakni tentang al-Qur'an, prinsip asasi Islam, kekeluargaan Islam dan kemasyarakatan Islam. Al-Qur'an dibincang kerana ia merupakan sumber rujukan utama orang-orang

Islam. Prinsip asasi Islam dibincang kerana ia merupakan tapak kepada tatacara kehidupan orang-orang Islam. Kekeluargaan dan kemasyarakatan Islam dibincang kerana kedua-duanya merupakan dua institusi utama Islam. Dilihat secara keseluruhannya, buku ini sebenarnya membincangkan tentang sumber, tapak dan institusi Islam. Ketiga-tiganya merupakan elemen penting dalam pembangunan berteraskan Islam.



## TERJEMAHAN AL-QUR'AN DALAM PELBAGAI PERSPEKTIF


MOHD. SHUKRI HANAPI

ISBN: 967-61-1413-8  
HARGA: RM22.00  
TAHUN: 2003  
MUKASURAT: 250

Persoalan terjemahan al-Qur'an dalam buku ini dilihat dari pelbagai aspek. Perbincangannya meliputi konsep terjemahan al-Qur'an; hukum; pandangan ulama; kemunculan idea penterjemahan

al-Qur'an; latar belakang sejarah; permasalahan dalam amalan menterjemah al-Qur'an dan contoh-contoh terjemahan al-Qur'an yang menyeleweng.

Pembaca boleh menjadikannya sebagai panduan berguna dalam menilai autoriti dan kesahihan terjemahan al-Qur'an yang dihasilkan dalam pelbagai bahasa bukan Arab. Kandungan buku ini juga membimbing pembaca mengelakkan daripada salah faham terhadap maksud kalam Allah.




## TUJUH PRINSIP PEMBANGUNAN BERTERASKAN ISLAM

MUHAMMAD SYUKRI SALLEH

ISBN: 983-2617-30-4  
HARGA: RM12.00  
TAHUN: 2003  
MUKASURAT: 90

Buku ini memaparkan matan tujuh prinsip pembangunan berteraskan Islam. Prinsip-prinsip ini meliputi acuan, pelaku, skala waktu, kerangka, perkaedahan, peralatan dan matlamat pembangunan

berteraskan Islam. Kesemuanya dibentangkan secara agak ringkas, tetapi cukup untuk mengemukakan rangka prinsip pembangunan berteraskan Islam tersebut secara mudah.



## PEMBIAYAAN PERUMAHAN SECARA ISLAM: ANTARA NILAI KOMERSIAL DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL

FADZILA AZNI AHMAD


ISBN: 967-61-1472-3  
HARGA: RM18.50  
TAHUN: 2003  
MUKASURAT: 143

Buku ini mengupas tentang isu skim pembiayaan perumahan

secara Islam, khususnya skim Bai' Bithaman Ajil (BBA) yang diperkenalkan di Malaysia oleh institusi kewangan Islam amnya dan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) khususnya. Ramai yang beranggapan bahawa produk BIMB tidak banyak bezanya dengan produk bank konvensional. Ia dikatakan lebih mementingkan motif komersial daripada memenuhi tanggungjawab sosial. Malah lebih daripada itu, ada juga di kalangan masyarakat yang mempersoalkan tentang setakat mana Islamnya perbankan Islam itu sendiri.

Buku ini cuba mengupas persoalan-persoalan di atas secara objektif dan saintifik dengan meneliti kaedah penetapan kadar keuntungan pembiayaan perumahan di bawah prinsip BBA, khususnya yang dilaksanakan oleh BIMB. Buku ini juga membincangkan sejauh mana benarnya sungutan yang mengatakan bayaran balik pembiayaan perumahan secara Islam di BIMB adalah terlalu mahal dan menekan. Ia juga meneliti setakat manakah penetapan kadar keuntungan dan bayaran balik pembiayaan ini selari dengan prinsip-prinsip syariah.

Buku ini sesuai untuk pelajar pusat pengajian tinggi dan mereka yang berminat mengetahui tentang pembiayaan perumahan secara Islam.



## KAMUS ISTILAH UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARI'AH (HUDUD, QISAS DAN TA'ZIR)

MOHD. SHUKRI HANAPI & MOHD. TAJUL SABKI ABD LATIB

ISBN: 983-2617-09-X  
HARGA: 25.00  
TAHUN: 2003  
MUKASURAT: 318

Kamus ini disusun bagi menyediakan ilmu-ilmu asas tentang Undang-Undang Jenayah

Syari'ah dalam usaha memahami persoalan-persoalan yang timbul berkaitan dengannya. Selain itu ia juga berhasrat mengelak masyarakat dari bercakap dan berhujah tentang Hudud, Qisas dan Ta'zir tanpa mempunyai ilmu bersabit dengannya.

Kamus ini menyenaraikan lebih daripada 100 istilah yang berkaitan Undang-Undang Jenayah Syari'ah yang masyhur dan seringkali didengar. Semua diberi makna serta huraian yang agak terperinci. Di mana-mana perlu, huraian istilah-istilah itu disertai dengan contoh-contohnya agar pembaca dapat memahaminya dengan mudah dan mendalam. Semua huraian berdasarkan al-Qur'an, Hadis dan pelbagai kitab rujukan yang autoritatif.

Kamus ini sesuai dijadikan rujukan bagi para pelajar pusat pengajian tinggi, pengkaji dan sesiapa sahaja yang berminat mengetahui pelbagai aspek berkaitan Undang-Undang Jenayah Syari'ah serta pelaksanaannya.